

Hitungan dalam Naskhah Melayu dan Jawa: Analisis dalam *Syair Laksana Kita & Mujarabat*

ZUBIR IDRIS
YUSMILAYATI YUNOS

ABSTRAK

Makalah ini membuat analisis tentang hitungan dalam masyarakat Melayu dan Jawa berdasarkan teks persuratan klasik iaitu *Syair Laksana Kita* dan *Mujarabat* (edisi Jawa). Konsep hitungan itu dilihat sebagai angka berasas pengiraannya. Analisis ini mendapati pengungkapan nilai tersebut dapat dimanfaatkan sebagai satu usaha untuk memecahkan dan menyelesaikan beberapa masalah kehidupan yang sering mereka hadapi. Pemanfaatan angka sebagai prinsip asas dalam hitungan digunakan untuk menentukan waktu yang baik atau buruk dalam melakukan pelbagai kegiatan tertentu seperti perkahwinan, mendirikan rumah dan mencari rezeki. Dalam masyarakat Melayu, konsep sedemikian digunakan misalnya dalam melihat keserasian pasangan dalam penentuan jodoh. Keserasian tersebut dipercayai dapat menentukan kebahagiaan pasangan pada masa akan datang. Bagi masyarakat Jawa pula, terdapat konsep hitungan yang disebut sebagai *petungan*. Lumrahnya *petungan* dilakukan oleh dukun atau orang tua yang berilmu dan berpengalaman. Mereka sering menjadi pakar rujuk sekiranya seseorang ingin melakukan pelbagai kegiatan yang penting dalam hidup mereka. Sehubungan dengan itu, teks *Syair Laksana Kita* dan *Mujarabat* digunakan sebagai sumber utama dalam penulisan ini, bagi melihat bagaimana konsep hitungan diaplikasikan dalam kehidupan masyarakat Melayu dan Jawa.

Kata kunci: Perhitungan, jumlah nilaian, bermuafakat, keserasian, dan petua.

ABSTRACT

This paper analyses the concept of numerations in the Malay and Javanese mind-sets based on two classical writings, *Syair Laksana Kita* and *Mujarabat* (Javanese edition). The concept of numeration was perceived as numbers based on its particular calculation. It is found that the articulation of its values could solve some problems occurred in life. The principle of the calculation could testify the best times to start all sort of activities such as wedding, house building and job to earn the living. Among the Malays, such concept is used to find the most suitable couple as partner to life. The synchronization is believed could foresee the happiness of the couple's future. Among the Javanese, the concept of this calculation is called *petungan*, and it is usually undertaken by

the shaman or wise old men. They were frequently referred as experts should there is anyone intending to start crucial thing in their life. Those two texts were used as the main sources in this writing to justify the application of the calculation concept in the lives of the Malay and Javanese.

Key words: Calculation, total values, cooperation, synchronization, and ideal method

Pengenalan

Hitungan pada dasarnya merupakan ilmu yang berkembang setingkat dengan ilmu astronomi dan astrologi. Ia berasaskan peredaran matahari dan bulan sebagai sumber perkiraan. Namun, ia terus berkembang menjadi suatu sistem dan mengarah kepada bentuk ramalan dengan melahirkan kronogram iaitu suatu sistem pemberian nilai dalam angka kepada setiap fenomena yang terjadi pada alam raya.¹ Bagi memudahkan cara kerja hitungan tersebut, diciptakan sistem angka atau numerologi sesuai dengan peredaran matahari yang menimbulkan siang dan malam sehingga melahirkan hari, jam dan minit (waktu), minggu, bulan, tahun dan sebagainya

Dalam masyarakat Melayu, angka dan hitungan dimanfaatkan sebagai satu cara untuk mencari keserasian antara dua perkara (misalnya pasangan hidup) ataupun lebih. Keserasian tersebut bertujuan untuk melihat keselarasan dan keharmonian yang bakal terjadi kepada seseorang atau peristiwa yang bakal terjadi pada masa akan datang terutamanya dalam proses pencarian jodoh atau pasangan hidup.

Bagi masyarakat Jawa pula, terdapat istilah *paukon*,² iaitu yang berkaitan dengan waktu yang baik dan buruk dalam ilmu perhitungan. *Paukon* ini banyak digunakan untuk menghitung waktu yang baik untuk perkahwinan, mendirikan rumah, mencari rezeki, bercucuk tanam dan sebagainya. Perhitungan waktu yang tepat dan baik berdasarkan *paukon* disebut *petungan*. *Petungan* atau *petangan* ini biasanya dibuat oleh dukun atau orang yang berpengetahuan yang disebut *wongtuwo* iaitu orang tua.³

Sehubungan dengan itu, *petungan* adalah cara menghitung saat-saat dan tarikh-tarikh yang baik, dengan cara memperhatikan kelima-lima hari pasar (*pon, legi, pahing, keliwon* dan *wage*), tarikh-tarikh penting yang ditentukan pada sistem-sistem penanggalan yang ada dan dimanfaatkan oleh orang Jawa untuk berbagai tujuan. Kelima hari pasar tersebut mempunyai tempatnya sendiri di dalam kelima kategori yang

ditentukan oleh sistem klasifikasi pralogik bagi orang Jawa. Ia merupakan perantara waktu-waktu, tempoh masa dan alam semesta.⁴

Fungsi Hitungan dalam Naskhah Melayu dan Jawa

Amalan perhitungan sering dikaitkan dengan kehidupan masyarakat Melayu dan Jawa. Bagi kedua-dua masyarakat, hitungan semacam menjadi amalan sejak zaman dahulu lagi. Kehadiran naskhah-naskhah yang membincangkan persoalan tersebut sering mendapat perhatian dalam kalangan golongan tua.

Dalam masyarakat Melayu, konsep hitungan mendapat tempat yang tersendiri dan diguna pakai dalam beberapa amalan yang dipraktikkan. Ia diguna sebagai petua menentukan waktu yang baik atau buruk dalam melakukan pelbagai kegiatan seperti perkahwinan, mendirikan rumah, mencari rezeki dan sebagainya. Walau bagaimanapun, agak sukar untuk dikenal pasti sama ada petua dan amalan tersebut terus diamalkan dalam konteks masa kini.

Antaranya petua untuk memilih isteri, yang dikatakan dapat dijadikan panduan untuk memperoleh kerukunan dalam rumah tangga. Hal ini dirakamkan dalam naskhah-naskhah Melayu lama, contohnya dalam *Syair Laksana Kita*. Dalam syair ini, pengarangnya memperihalkan petua-petua untuk memilih isteri; berdasarkan anggota badan dan nama. Berpandukan tanda-tanda pada badan dan juga hasil kira-kira abjad pada nama, pengarang menafsirkan sikap yang ada pada seseorang wanita seperti berperangai baik, budiman, berperangai buruk dan sebagainya, yang boleh dirujuk dalam usaha mencari pasangan yang sesuai untuk dijadikan isteri.

Dalam konteks penulisan ini, petua memilih isteri seperti yang telah dinyatakan cuma dilihat berdasarkan konsep hitungan, yakni penilaian perwatakan wanita berdasarkan nama. Melalui petua ini, kerukunan rumah tangga boleh diperoleh berdasarkan hasil kira-kira abjad antara nama lelaki dengan wanita.

Berdasarkan *Syair Laksana Kita*, pengarangnya memberikan beberapa garis panduan atau petua yang boleh dimanfaatkan orang lelaki dalam memilih pasangan hidup sebelum mendirikan rumah tangga. Dalam syair ini dipaparkan rahsia yang terdapat pada abjad atau huruf pada nama seseorang. Setiap abjad atau huruf tersebut sekiranya dihitung akan memberikan hasil, dan hasil itulah yang digunakan untuk menilai perwatakan seorang wanita. Sebagai contoh, nama seorang lelaki yang terdiri daripada beberapa abjad akan dijumlahkan nilainya; seterusnya

dibahagikan dengan sembilan. Kaedah ini dinyatakan oleh pengarang dalam rangkap-rangkap syair berikut:

Jika bertemu laksanaanya hanalan,⁵
Ambillah awang menjadikan taulan,
Rasikan⁶dikelubung sembilan,
Supaya jangan kena kesugulan. (r.52)

Nama laki-laki taruhkan sebelah,
Jangan dicampur jadi tersalah,
Dengan abjad kira-kirakan jumlah,
Baik dan jahat ditunjukkan Allah. (r.53)

Frasa-frasa seperti “*Nama laki-laki taruhkan sebelah*”, “*Dengan abjad kira-kirakan jumlah*” dan “*Rasikan dikelubung sembilan*” dalam rangkapan syair di atas, menyarankan kaedah atau petua yang boleh dilakukan pihak lelaki agar memperoleh bakal isteri yang sesuai dengan diri mereka. Langkah seperti ini diambil bagi mengelakkan kekecewaan (*Supaya jangan kena kesugulan*) akibat berlakunya ketidakserasian perhubungan dalam rumah tangga. Setelah melakukan ikhtiar, mereka yang melakukan usaha berdasarkan petua ini diingatkan agar berserah dan bertawakkal kepada Allah, yang lebih mengetahui buruk dan baik atas segala perkara “*Baik dan jahat ditunjukkan Allah.*”

Seterusnya, konsep hitungan dalam syair ini dipaparkan apabila setiap hasil kira-kira seperti yang digarispandukan membawa maksud yang tersendiri dan berbeza antara satu sama lain. Seperti yang telah dinyatakan, nama seorang lelaki yang terdiri daripada beberapa abjad akan dijumlahkan nilainya; seterusnya dibahagikan dengan sembilan. Baki setelah dibahagikan itulah nanti yang akan dipadankan dengan baki nilai kepada pasangannya.⁷ Hasil daripada padanan itu seterusnya, sama ada berbeza ataupun sama dengan jumlah yang tertentu akan menjelaskan sama ada seseorang perempuan itu sesuai dijadikan pasangan. Hal ini dinyatakan oleh pengarang dalam rangkap-rangkap syair berikut:

Jika lebih asa⁸ dengannya asa,
Rasinya baik bagai dipaksa,
Berkasih-kasih sangat terasa,
Bicaranya muafakat sentiasa. (r.54)

Jika lebih asa dengannya dua,
 Itu pun baik rasinya jua,
 Muafakat bicara antara kedua,
 Rezekinya mudah tidak kecewa. (r.55)

Jika lebih asa dengannya tiga,
 Antara kedua pahala juga,
 Tetap gagah tiada berhingga,
 Laksana rumah tua dengan tangga. (r.56)

Jika lebih asa dengannya enam,
 Rasinya baik sama berkenan,
 Sukacita baik berkasih-kasih,
 Muafakat mudah mencari makan. (r.59)

Jika lebih asa dengannya sembilan,
 Rasinya baik berkekalan,
 Tetapi jangan ambikan taulan,
 Bicaranya tidak berbetulan. (r.62)

Berdasarkan kelima-lima rangkap di atas, dapat dilihat hasil hitungan yang dibuat berdasarkan abjad atau nama seseorang (antara pasangan) akan membawa makna yang tertentu. Bagi seseorang lelaki, apabila jumlah nilai pada namanya (setelah dibahagikan sembilan) berbaki satu apabila dipadankan dengan calon pasangannya yang nilai pada namanya berbaki satu, dua, tiga, enam dan sembilan; dikatakan perempuan itu sesuai untuk dijadikan isteri. Rumah tangga yang dibina akan aman harmoni bila kedua pasangan hidup saling bermuafakat dan saling menyayangi (*Jika lebih asa dengannya asa*); saling bermuafakat dan murah rezeki (*Jika lebih asa dengannya dua*); adanya ikatan yang teguh (setia) di antara pasangan (*Jika lebih asa dengannya tiga*); sentiasa hidup dalam keadaan kasih-mengasahi dan dimudahkan rezeki (*Jika lebih asa dengannya enam*); dan jodoh yang berpanjangan ke akhir hayat (*Jika lebih asa dengannya sembilan*). Walau bagaimanapun, dalam rangkap 62 syair (bagi kes bezaan baki asa dengan sembilan), pengarang mengingatkan bahawa walaupun perempuan tersebut sesuai dijadikan isteri, tetapi si lelaki haruslah berhati-hati agar tidak terlalu mengikut kata-kata perempuan tersebut. Hal ini kerana dikhuatiri perkataan perempuan tersebut akan lebih banyak merosakkan kehidupan berumah tangga.

Sebaliknya, sekiranya jumlah nilai pada nama seseorang lelaki berbaki satu apabila dipadankan dengan calon pasangannya yang nilai pada namanya berbaki empat, lima, tujuh dan lapan; dikatakan perempuan itu tidak sesuai untuk dijadikan isteri. Sekiranya dijadikan isteri, rumah tangga yang dibina tidak berkekalan malah hidup dalam keadaan porak-peranda. Hal ini dibayangkan oleh pengarang yang mengatakan bahawa tidak akan wujud kesepakatan antara suami isteri malah membawa kepada perceraian (*Jika lebih asa dengannya empat*); rumah tangga yang dibina tidak kekal (*Jika lebih asa dengannya lima*); isteri yang diperoleh buruk kelakuannya, kerana suka berbuat tuduhan dan menimbulkan masalah (*Jika lebih asa dengannya tujuh*); dan mendapat isteri yang tidak boleh diharapkan (*Jika lebih asa dengannya delapan*). Hal ini dinyatakan oleh pengarang dalam rangkap-rangkap syair berikut:

Jika lebih asa dengannya empat,
Antara kedua tiada sepakat,
Akhirnya bercerai tiada harakat,
Apabila beranak adalah berkat. (r.57)

Jika lebih asa dengannya lima,
Akhirnya bercerai papa kerama,⁹
Seperti telaga di tengah huma,
Tiada kekal kita bersama. (r.58)

Jika lebih asa dengannya tujuh,
Antara kedua fi'ilnya hodoh,
Tiada manusia barang dituduh,
Af'alnya sangat mencari gundah. (r.60)

Jika lebih asa dengannya delapan,
Papa kerama tidak ketetapan,
Tiada boleh harap-harapkan,
Umpama perahu baik bersimpan. (r.61)

Begitulah dengan kiraan yang seterusnya. Petua yang melibatkan konsep hitungan sebagai panduan kepada seseorang lelaki untuk memilih isteri ini berterusan daripada jumlah nilai berbaki dua pada nama lelaki, hinggalah kepada jumlah nilai yang berbaki sembilan; yang dipadankan pula dengan nilai baki pada nama seseorang perempuan yang mahu dijadikan isteri. Berikut diturunkan beberapa contoh rangkapan syair yang menjelaskan hal berkenaan:

Jika lebih dua dengannya empat,
Tiada kasih tambah tiada muafakat,
Bicaranya itu terlalu jahat,
Ke rumah orang rajin mengumpat. (r.65)

Jika lebih tiga dengannya tiga,
Tidak baik pada hatinya juga,
Tiada patut engkau nan luka,
Akhirnya akan bercerai juga. (r.71)

Jika lebih tiga dengannya tujuh,
Meski rupa sedikit hodoh,
Bawa belanja bersama tubuh,
Rasinya baik setianya teguh. (r.75)

Jika lebih empat dengannya enam,
Berkasih sangat sama berkenan,
Tetap bicaranya tiada bersusunan,
Akhirnya huru-hara anak sejahnam. (r.80)

Jika lebih lima dengannya tujuh,
Perempuan itu pekertinya hodoh,
Zahirnya baik batinnya hodoh,
Barang katanya mahukan sungguh. (r.86)

Jika lebih enam dengannya enam,
Bicaranya baik sama berkenan,
Barang bicara tiada berlainan,
Murah rezekinya banyak makanan. (r.89)

Jika lebih tujuh dengannya tujuh,
Antara kedua af'alnya hodoh,
Sepanjang jalan mencari gaduh,
Laksana api makan pelupuh.¹⁰ (r.93)

Jika lebih lapan dengan sembilan,
Perempuan itu sangat hanalan,
Itulah patut ambilkan taulan,
Bicaranya baik lagi bangsawan. (r.97)

Jika lebih sembilan dengannya sembilan,
 Rasinya sangat berkekalan,
 Laksana perahu dengan pengkalan
 Berhempas-pulas tiada bertinggalan. (r.98)

Dalam kalangan masyarakat Jawa pula, konsep hitungan ini ada dinyatakan dalam naskah Jawa seperti *Mujarabat*; yang antara lain menyatakan pemilihan bulan yang baik untuk melangsungkan perkahwinan. Untuk mengadakan majlis, mereka memilih hari yang baik dalam bulan Islam bagi merealisasikan majlis tersebut dan amalan tersebut masih diteruskan sehingga ke hari ini. Bulan Muharram dan Safar misalnya dipercayai tidak baik untuk melangsungkan perkahwinan kerana dipercayai mendatangkan perebutan dan menanggung beban hutang yang banyak kepada pasangan pengantin seperti yang dinyatakan dalam terjemahan berikut:

Inilah masalah yang menyatakan orang hendak berkahwin supaya selamat lelaki dan perempuan. Berkata Rasullullah Sallallahu Alaihi Wasallam: “Hai umatku semua orang mukmin, jika hendak mengadakan perkahwinan pada bulan yang baik dan jangan bulan buruk. Jika berkahwin pada bulan Muharam, alamat banyak perebutan. Jika berkahwin pada bulan Safar banyak hutangnya. Jika berkahwin pada bulan Rabiul Awal mati salah satu. Jika berkahwin pada bulan Rabiul Akhir bertemu keburukan dan bertukaran. Jika berkahwin pada bulan Jumadil Awal keluar rumah dan menyesal. Jika berkahwin pada bulan Jumadil Akhir kaya emas dan perak serta sejahtera. Jika berkahwin pada bulan Rejab alamat ramai anak. Jika berkahwin pada bulan Sya’aban alamat sejahtera. Jika berkahwin pada bulan Ramadhan alamat banyak kesukarannya. Jika berkahwin pada bulan Zulkaedah alamat selalu sakit. Jika berkahwin pada bulan Besar alamat bertemu kesukaan.” Berkata Nabi Sallallahu alaihi wasallam: Sebaik-baik nikah itu pada haru Juma’at kerana para Nabi dan wali bernikah pada hari Juma’at.”¹¹

Berdasarkan petikan tersebut, majlis perkahwinan tidak digalakkan berlangsung pada bulan Muharam kerana dipercayai banyak perebutan dan perkara buruk akan berlaku. Keadaan ini disesuaikan dengan berlakunya pelbagai peristiwa besar pada 10 Maharam dalam sejarah Islam seperti berikut:

1. Peristiwa pembunuhan Syaidina Hussin cucu Nabi Muhamad.
2. Nabi Nuh diselamatkan Allah keluar dari perahunya sesudah bumi ditenggelamkan selama enam bulan.
3. Nabi Ibrahim diselamatkan Allah daripada pembakaran Raja Namrud.

4. Nabi Yusuf dibebaskan daripada penjara.
5. Penglihatan Nabi Yaakob yang kabur dipulihkkan Allah.
6. Nabi Ayub dipulihkan Allah daripada penyakit kulit yang dideritainya.
7. Nabi Yunus selamat keluar daripada perut ikan paus setelah berada di dalamnya selama 40 hari 40 malam.
8. Laut Merah terbelah dua untuk menyelamatkan Nabi Musa dan pengikutnya daripada Firaun (<http://www.ashtech.com.my/bulanislam/Muharam.html>)

Peristiwa-peristiwa tersebut memberi kesan kepada segelintir masyarakat Jawa sehingga mereka sering mengelak diri untuk melangsungkan perkahwinan anak-anak mereka pada bulan tersebut kerana dikhuatiri akan mendapat keburukan pada masa akan datang. Mereka percaya bulan yang baik untuk melangsungkan perkahwinan ialah bulan Rabiul Akhir kerana dianggap mendatangkan kesenangan hidup dengan memiliki banyak emas dan mendapat kebahagiaan.

Berdasarkan bulan di atas, istilah petangan atau perhitungan berkait rapat dengan istilah *cocog* yang bermakna kesesuaian. Kesesuaian memberikan makna yang amat luas misalnya kesesuaian warna kulit dengan pakaian, kesesuaian ubat dengan penyakit, kesesuaian pendapat dengan soalan yang dikemukakan, kesesuaian pasangan suami isteri, kesesuaian nama dengan perwatakan seseorang dan sebagainya. Namun, suatu hal yang ketara, kesesuaian ini menggabungkan dua elemen yang abstrak dan amat luas, lalu membentuk suatu jalinan hubungan estetika yang akhirnya dapat memuaskan pihak yang terlibat.

Berhubung dengan hal tersebut, masyarakat Jawa juga sering menggunakan bulan-bulan Islam ketika mendirikan rumah. Bulan tersebut dipilih supaya penghuni rumah tersebut akan berada dalam keadaan sejahtera atau selamat setelah menduduki rumah yang telah dibina. Berdasarkan temubual dengan beberapa informan yang mengamalkan kitab *Mujarabat* menyatakan, amalan tersebut telah diperturunkan sejak zaman datuk nenek dan ibu bapa mereka dan sehingga kini masih terdapat segelintir masyarakat Jawa mempercayainya. Berdasarkan *Mujarabat*, bulan yang baik untuk mendirikan rumah ialah bulan Sya'aban kerana dipercayai mendapat rezeki yang halal, ramai orang yang memberikan ilmu yang benar dan disegani orang ramai. Selain itu, mendirikan rumah pada bulan bulan Rabiul Akhir juga turut memberikan pelbagai kebaikan seperti mendapat emas perak, laris berniaga, pertanian menjadi dan permintaannya dimakbulkan Allah. Hal tersebut dinyatakan seperti di bawah:

Ini masalah perlakuan orang yang hendak mendirikan rumah supaya dapat melihat buruk dan baik. Jika mendirikan rumah pada bulan Muharam alamat susah hatinya. Jika sakit susah ubatnya dan lambat baiknya, jika berdagang tidak mendapat harta, jika berlawan kalah, jika bertani tidak menjadi dan pendek umurnya. Jika mendirikan rumah pada bulan Safar alamat sakit, tidak berpakaian ketika mati, jika berdagang cepat mendapat emas, jika bertani memungut yang di tengah. Jika mendirikan rumah pada bulan Rabiul Awal alamat pendek perkahwinannya, salah satunya mati. Jika mendirikan rumah bulan Rabiul Akhir alamat baik dan mendapat harta tetapi rugi. Jika bertani menjadi dan apa yang dihajatkan menjadi, bila berdagang cepat laku dan mendapat emak perak, bila ada orang berkongsi akan berjaya dan apa sahaja perlakuannya dimakbulkan Allah Taala. Jika mendirikan rumah pada bulan Jumadil Awal alamat banyak prihatinnya dan besar sukanya, bila berlawan selalu kalah dan barang yang dibuat tidak menjadi, jika bertani menjadi dan kurang rezekinya. Jika mendirikan rumah pada bulan Jumadil Akhir alamat banyak halobanya dan murah rezekinya tetapi menjadi percakapan tetanganya dan susah hatinya. Jika mendirikan rumah pada bulan Rejab alamat mendapat suka dan prihatin dan kehilangan kasihnya dan penglihatan dunia dan sering mempunyai hutang. Jika mendirikan rumah pada bulan Sya'aban alamat banyak mendapat rezeki halal dan banyak orang memberikan ilmu yang benar dan disegani oleh orang ramai dan apa sahaja yang diminta ditunaikan Allah Taala dan selamat dunia akhirat dan mendapat anak yang baik dan patuh menurut nasihat, jika perempuan cantik wajahnya dan berbakti kepada Allah Subhanahu Wataala. Jika mendirikan rumah pada bulan Ramadhan alamat selalu kehilangan dan melakukan larangan Allah Taala dan banyak musuh. Jika mendirikan rumah pada bulan Syawal alamat kematian orang itu akibat fitnah. Jika mendirikan rumah pada bulan Zulkaedah alamat mendapat emas perak tetapi cepat hilang hingga dituduh sebagai jiran durjana.

Petikan di atas tidak menyatakan bulan Zulhijjah untuk mendirikan rumah. Bulan tersebut merupakan bulan haji dan berkemungkinan bulan tersebut mewajarkan masyarakat Islam menunaikan ibadah haji di Mekah dan memerlukan masa yang panjang untuk berada di sana. Justeru itu, alamat pembinaan rumah pada bulan tersebut tidak dinyatakan. Jika diperhatikan lagi, lebih daripada separuh bulan yang dinyatakan memberikan alamat kurang baik ketika mendirikan rumah terutamanya bulan Muharam, Safar, Rabiul Awal dan Ramadhan kerana bulan tersebut menyatakan tentang kematian seperti umur yang pendek, tidak berpakaian ketika mati, jangka perkahwinan yang singkat dan salah seorang pasangan akan mati dan kematian akibat fitnah. Namun, alamat-alamat tersebut sekadar ramalan yang tidak dapat dipastikan kebenarannya.

Selain itu, hitungan juga berperanan penting dalam menentukan hari yang baik untuk mencari rezeki dalam seminggu. Penentuan hari yang baik bergantung kepada peredaran matahari dalam sehari kehidupan manusia. Hal ini dinyatakan seperti berikut:

Inilah masalah yang menyatakan waktu orang yang mencari rezeki. Jika hari Ahad itu pagi rezeki besar condong ke timur, ketika siang rezeki kecil condong ke barat, sejahtera ketika matahari terbenam. Jika hari Isnin pagi sejahtera condong ke timur rezeki kecil,

siang condong ke barat rezeki besar. Jika hari Selasa pagi rezeki. Condong ke kanan ketika siang hingga Asar sejahtera. Jika hari Rabu pagi ketika condong ke timur rezeki kecil, siang condong ke barat sejahtera, Asar rezeki besar. Jika hari Khamis pagi sejahtera, rezeki besar condong ke timur. Ketika siang rezeki kecil. Barat hingga Asar sejahtera. Jika Juma'at pagi ketika condong ke timur rezeki kecil, condong ke barat hingga asar sejahtera. Jika hari Sabtu pagi condong ke timur rezeki kecil, ketika condong ke barat rezeki besar. Wallahu alam.¹²

Petikan di atas menunjukkan hari dan waktu mencari rezeki selama tujuh hari dimulai pada waktu pagi hingga terbenam matahari. Penggunaan istilah condong merujuk kepada matahari tergelincir atau turun ke sesuatu arah. Arah berperanan penting dalam menentukan jumlah rezeki yang bakal diperolehi. Konsep pagi pula bermakna selepas waktu Subuh dan terbenam matahari bermaksud waktu Maghrib. Berkaitan dengan hal tersebut, *Mujarabat* tidak menyatakan waktu mencari rezeki pada malam hari kerana waktu tersebut digunakan untuk berehat bersama keluarga di rumah serta masa untuk tidur. Petikan tersebut menyatakan hari Selasa merupakan hari yang selamat untuk mencari rezeki mulai waktu pagi hingga ke petang. Sementara hari-hari yang lain dinyatakan waktu bagi seseorang memperoleh rezeki sama ada jumlahnya kecil, besar atau selamat.

Sehubungan dengan itu, hitungan berdasarkan waktu dan masa juga berperanan penting dalam proses pengubatan bagi masyarakat Jawa. Mereka sangat mementingkan konsep perhitungan dalam apa juga aktiviti yang dilakukan. Penggunaan hitungan hari seperti ini bukan sekadar mencari waktu yang baik untuk mencari rezeki, tetapi juga untuk memberi peringatan tentang tanggungjawab kepada setiap manusia misalnya untuk merawat penyakit. Berikut dinyatakan waktu meminta ubat mengikut hari dalam seminggu seperti yang dinyatakan dalam *Mujarabat*:

Jika ada orang yang meminta ubat pada hari Ahad, sakitnya daripada malaikat atau ubatnya itu daun kumpul serta dibacakan selawat tujuh kali. insyaAllah Taala sihat. Jika ada orang yang meminta ubat pada hari Isnin, sakitnya daripada kawul atau ubatnya itu kayu pulai. Jika ada orang yang meminta ubat pada hari Selasa, sakitnya daripada orang tuanya atau ubatnya itu bertaubat. Jika hari Rabu, sakitnya daripada dirinya atau ubatnya itu daun melur. Jika ada orang yang meminta ubat pada hari Khamis, sakitnya daripada tempat tidur dan ubatnya daun sirih. Jika ada orang sakit hari Jumaat, sakitnya daripada Allah, ubatnya sabar dan menerima. Jika ada orang yang meminta ubat pada hari Sabtu, maka tidak beroleh ubat.¹³

Berdasarkan teks tersebut, didapati hitungan hari sangat memainkan peranan penting bagi masyarakat Jawa untuk meminta ubat. Hal ini dipersetujui oleh seorang dukun yang bernama Puan Siti Naemah

Jamburi¹⁴. Beliau menyatakan bahawa rawatan pengubatan hanya dijalankan pada hari Isnin hingga Ahad tetapi beliau tidak menjalankan rawatan pada hari Sabtu kerana ia menjadi pantang dalam kerjayanya sebagai dukun. Hal ini bertepatan dengan kenyataan dalam *Mujarabat* yang menyatakan bahawa jika ada orang yang meminta ubat pada hari Sabtu, alamat tidak beroleh ubat.

Cabaran Penggunaan Naskhah Jawa dan Melayu dalam Pengajian Melayu Semasa

Pada peringkat awal, kehadiran naskhah Melayu dan Jawa hanya dinikmati oleh mereka yang boleh membaca tulisan Jawi. Naskhah tersebut semacam sumber rujukan utama yang akan digunakan oleh pengamal untuk mencari jalan penyelesaian bagi masalah yang dihadapi seperti masalah mendirikan rumah, mencari rezeki, meminta ubat dan persoalan mencari jodoh atau pasangan yang secocok. Fungsinya begitu ketara pada zaman dahulu kerana ia menjadi sebahagian daripada hidup masyarakat Melayu dan Jawa yang berhubung rapat dengan alam seperti matahari, bulan dan bintang. Namun begitu, dengan kajian yang lebih terperinci terhadap naskhah tersebut dapat menyumbangkan ilmu untuk kegunaan generasi akan datang. Naskhah *Mujarabat* misalnya bukanlah warisan yang ketinggalan zaman tetapi ia boleh menjadi sumber perubatan alternatif bagi masa kini. Naskhah tersebut bukan sahaja memaparkan konsep hitungan malah mengandungi pelbagai khazanah dan ilmu yang perlu dipelihara supaya tidak hilang ditelan zaman.

Kehadiran naskhah Melayu dan Jawa berkait rapat dengan kedatangan agama Islam yang memperkenalkan tulisan (Jawi) Arab sebagai satu cara untuk menyebarkan ilmu pengetahuan kepada penduduk di Kepulauan Melayu. Naskhah berbahasa Arab ini diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu supaya ilmu pengetahuan yang terkandung di dalamnya dapat dimanfaatkan. Naskhah tersebut mengandungi pelbagai cabang ilmu merangkumi aspek agama, budaya, sejarah dan sebagainya sukar untuk ditemui pada zaman ini. Jika dikaitkan dengan cabaran Pengajian Melayu semasa, naskhah tersebut dapat dijadikan sebagai sumber kajian berkait dengan bidang astrologi, iaitu ilmu nujum perbintangan dalam memperhitungkan nasib manusia; yang akhirnya berkembang menjadi horoskop, iaitu ramalan berkenaan nasib seseorang berdasarkan kedudukan bulan kelahiran seseorang manusia.

Kajian berkenaan naskhah tersebut juga dapat memperlihatkan kebijaksanaan manusia dahulu yang sangat peka dengan alam

persekitaran, peredaran matahari yang menyebabkan siang dan malam, penggunaan waktu, hari, minggu, bulan dan tahun yang dihitung menggunakan sistem angka dan mampu memberi alamat bagi sesuatu keadaan.

Walau bagaimanapun, petua memilih isteri yang menggunakan konsep hitungan seperti yang dibincangkan berdasarkan *Syair Laksana Kita* ini tidak semuanya berlandaskan dengan hukum Islam. Oleh kerana itu, perkara ini haruslah dianalisis mengikut perspektif Islam supaya khalayak tahu perkara yang bermanfaat di sebalik petua ini.

Petua-petua sebegini masih lagi diamalkan dalam masyarakat kerana ia dianggap sebagai satu cara untuk berikhtiar. Dalam syair ini, terdapat petua yang berbentuk ilmu tilik yang boleh dikatakan menyalahi hukum Islam iaitu petua memilih isteri berdasarkan padanan nama untuk menentukan sikap seseorang wanita; yang jelas bertentangan dengan agama Islam. Berdasarkan petua ini, sikap seseorang dinilai melalui padanan nama sedangkan Allah tidak menentukan sikap seseorang berdasarkan padanan nama tersebut. Petua-petua yang berunsur tilikan sebegini tidak boleh dipakai oleh masyarakat zaman sekarang. Ini adalah kerana tidak begitu sesuai dengan hukum Islam kerana menggunakan akal untuk menafsir sifat wanita berdasarkan nama sedangkan setiap sesuatu yang Allah jadikan ada baik buruknya.

Petua-petua yang diguna pakai oleh masyarakat dahulu berkemungkinan kerana mereka masih berpegang kepada kepercayaan ilmu tilik nasib. Jika diteliti, walaupun telah ada pengaruh Islam dalam syair ini (berdasarkan penggunaan ayat-ayat Quran), petua sebegini masih dipercayai. Hal ini berkemungkinan disebabkan pengaruh golongan batiniah,¹⁵ yang agak kuat dalam kalangan masyarakat dahulu.

Islam melarang penggunaan ilmu tilik kerana ianya menentang fitrah kejadian manusia. Panduan dan saranan seperti yang diajukan oleh pengarang syair tersebut tidak boleh dipercayai sepenuhnya kerana Allah menentukan sikap seseorang bukan pada anggota badan mahupun pada nama seseorang. Perkara yang paling baik untuk menilai sikap wanita untuk dijadikan isteri adalah dengan mengetahui dahulu latar belakang dan memohon kepada-Nya supaya diberikan isteri yang baik dan soleh. Daripada Abu Hurairah r.a., bahawa Nabi Muhammad SAW pernah bersabda yang bermaksud:

“Seorang wanita itu dinikahi kerana empat; kerana hartanya, kerana keturunannya, kerana kecantikannya dan kerana agamanya. Maka hendaklah kamu mengutamakan yang beragama, nescaya kamu berbahagia”¹⁶

Berpandukan hadith di atas, adalah sukar sebenarnya untuk mendapatkan isteri yang mempunyai keempat-empat tersebut; tetapi usaha boleh dilakukan untuk mendapatkan seorang isteri yang diutamakan oleh Rasulullah, iaitu isteri yang mempunyai ilmu agama. Isteri yang memiliki ilmu agama dapat membimbing anak-anak agar menjadi insan berguna. Selain itu, isteri yang mempunyai ilmu juga akan dirahmati Allah kerana mereka tahu untuk tidak derhaka kepada suaminya.

Berhubung hal kepercayaan tentang penggunaan ilmu tilik ini, Charles Michael Stanton mengatakan bahawa “pengetahuan ilmiah harus digunakan terutama untuk mendefinisikan dan menggambarkan alam, tetapi pengetahuan tersebut tidak boleh digunakan untuk mengawal alam.”¹⁷ Oleh yang demikian, petua (pengetahuan ilmiah) tidak boleh digunakan untuk mengawal kejadian iaitu ketentuan-Nya, dan hanya boleh dianggap sebagai panduan semata-mata untuk memudahkan khalayak menjalani kehidupan. Disebabkan itulah bagi masyarakat dahulu, petua-petua mungkin dicipta hanya sebagai panduan dan bukannya sebagai kepercayaan yang betul-betul untuk dipatuhi. Dalam erti lain, dapatlah dikatakan bahawa petua-petua seperti yang terkandung dalam *Syair Laksana Kita* ini bolehlah dianggap panduan kepada khalayak sahaja.

Hitungan atau Petungan Jawa pula misalnya merupakan catatan daripada leluhur berdasarkan pengalaman baik buruk yang dicatat, dihimpun dan disimpan dalam *Primbon*. *Primbon* memuat bermacam catatan oleh satu generasi yang diturunkan pada generasi penerusnya. Pada hakikatnya *Primbon* merupakan satu cara yang digunakan sebagai jalan mencapai keselamatan dan kesejahteraan hidup lahir batin. Ia bertindak sebagai pedoman agar manusia berhati-hati dengan apa yang bakal berlaku dan dalam masa yang sama, setiap manusia harus yakin dan mempercayai kekuasaan Tuhan Yang Maha Esa. Jika dikaitkan dengan *Mujarabat*, terdapat sebuah bahagian khusus yang menyatakan hal tersebut iaitu bab perhitungan seperti bulan yang baik untuk mendirikan rumah, hari yang baik untuk mencari rezeki dan bulan yang baik untuk melangsungkan perkahwinan. Petanda-petanda ini menjadi asas bagi masyarakat Jawa dalam melakukan sesuatu pekerjaan supaya keharmonian alam tidak diganggu gugat.

Kesimpulan

Tidak dapat dinafikan penggunaan konsep hitungan semakin terpinggir akibat perkembangan teknologi moden, namun ia suatu ilmu yang tidak

boleh dipandang ringan kerana kepandaian masyarakat dahulu menghitung waktu menggunakan tarikh, hari, bulan dan tahun. Amalan sedemikian sering dikaitkan dengan kehidupan masyarakat Melayu dan Jawa seperti pemilihan bulan yang baik untuk melangsungkan perkahwinan, petua mencari pasangan, bulan yang baik untuk mendirikan rumah dan hari yang baik untuk mencari rezeki. Berdasarkan contoh dalam *Syair Laksana Kita*, dapatlah dilihat petua untuk memilih isteri, yang melibatkan konsep hitungan. Khalayak pembaca atau pendengar boleh menjadikannya sebagai panduan untuk memilih isteri atau pasangan yang sesuai. Walau bagaimanapun, pengarang turut berpesan bahawa petua yang dikarangnya hanyalah sebagai panduan, dan tidak boleh diiktikadkan kepada hati kebenaran kata-katanya. Hal-hal yang berkaitan dengan soal jodoh dan rezeki semuanya ditentukan oleh Allah SWT. Dalam hal ini, pengarang menyeru agar kita sebagai manusia harus menyerahkan segala-galanya serta bergantung sepenuhnya terhadap ketentuan Ilahi. Hal ini ditegaskan pengarang dalam rangkap syair berikut:

Tamatlah sudah syairnya rasinya,
Baik-baik iktikad kepada hati,
Bergantungmu pada Rabbul' Izzati,
Sekalian itu Allah menjadi. (r.110)

Berdasarkan naskhah Melayu mahupun naskhah Jawa, konsep hitungan yang diamalkan ini tidak lain dan tidak bukan bertujuan baik iaitu untuk mendapatkan kesejahteraan dan keharmonian dalam melakukan pelbagai kegiatan yang melibatkan manusia dan unsur alam yang lain. Namun begitu, setiap pengamalnya perlu membuat pertimbangan sewajarnya dan tidak taksud dengan alamat atau petanda yang diberikan.

Nota

- ¹ Radjiman, *Konsep Petangan Jawa*, Yayasan Pustaka Cakra, Jakarta, 2000.
- ² *Paukon* atau *pawukon* berasal daripada kata wuku iaitu perhitungan waktu yang berjumlah 30 wuku dan setiap wuku lamanya 7 hari. Wuku-wuku tersebut ialah *Sinta, Landep, Wukir, Kuranthil, Tolu, Gumbreg, Warigalit, Warigagung, Julungwangi, Pahing, Kuruwelut, Marakeh, Tambir, Madhankungan, Maktal, Wuye, Manail, Prangbakat, Bala, Wugu, Wayang, Kulawa, Dhukut, dan Watugunung*. Lihat Mudjadi, M.J. et.al. , *Adat Istiadat Daerah Jawa Timur*, Departement Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia, Jakarta, 1997, hlm. 83 dan 233.

- ³ Selain itu, *wongtuwo* di Jawa Timur bermaksud orang yang memiliki pengetahuan tentang ilmu tua atau ilmu tentang nasib manusia agar sempurna kehidupannya (*ngelmu kesepuhan*). Selain itu, ia juga berarti orang yang memiliki pengetahuan tentang primbon dan ramalan nasib manusia. Ibid., hlm. 233.
- ⁴ Lihat Koentjaraningrat, *Kebudayaan Jawa*, PN Balai Pustaka, Jakarta, 1984, hlm. 421.
- ⁵ Hanalan bermaksud kenalan.
- ⁶ Rasi bermaksud ilmu berdasarkan sesuatu contohnya ilmu berdasarkan bintang.
- ⁷ Kaedah yang sama juga dikenakan ke atas orang perempuan yang ingin dijadikan pasangan kepada seseorang lelaki.
- ⁸ Asa bermaksud satu atau tunggal.
- ⁹ Papa kerama bermaksud keadaan seseorang yang sangat miskin, hina dan terkutuk.
- ¹⁰ Pelupuh bermaksud buluh pipih.
- ¹¹ *Mujarabat*, t.th, hlm. 59-60.
- ¹² *Mujarabat*, t.th., hlm. 48.
- ¹³ *Mujarabat*, t.th., hlm. 63.
- ¹⁴ Puan Siti Naemah Jamburi ialah seorang dukun di Kampung Rinching Hilir Bangi. Beliau berusia 63 tahun dan masih sihat. Selain menjalankan tugas sebagai penoreh getah, beliau turut menjalankan tugas sampingan sebagai dukun dan tukang urut.
- ¹⁵ Golongan batiniyah merupakan golongan yang membawa fahaman sesat yang jelas bertentangan dengan agama Islam.
- ¹⁶ Hadith hasil ringkasan oleh Al-Imam Zainudin Ahmad bin Abd Al-Lathif Az-Zabidi dari *Shahih Al-Bukhari* dinamakan dengan “*At-Tajriid Ash-Shariih li Ahaadits Al-Jaami’ Ash-Shahih*” atau lebih popular dengan “*Mukhtashar Shahih Al-Bukhari*” (Ringkasan Shahih Al-Bukhari). Asalnya hadis ini telah direkodkan oleh kedua-kedua Imam Bukhari dan Imam Muslim di dalam kitab sahih mereka serta imam hadith yang lain. (Lihat *Ringkasan Hadis Shahih Al-Bukhari*, Pustaka Amani, Jakarta, 2002, hlm. 907).
- ¹⁷ Hujah yang disampaikan oleh Charles Michael Stanton adalah berkonsepkan pemikiran ilmiah Islam. Lihat terjemahan oleh H. Afandi dan Hasan Asari, *Pendidikan Tinggi Dalam Islam*, PT Logos Publishing House, Jakarta, 1994, hlm. 66.

Bibliografi

- H. Afandi dan Hasan Asari. 1994. *Pendidikan Tinggi Dalam Islam*. Jakarta : PT Logos Publishing House.
<http://www.ashtech.com.my/bulanislam/Muharam.html> [22 Februari 2009]
- Koentjaraningrat. 1984. *Kebudayaan Jawa*. Jakarta: PN Balai Pustaka.
MSS 2590 (Syair Laksana Kita)
- Mudjadi, M.J. et.al. 1997. *Adat Istiadat Daerah Jawa Timur*. Jakarta: Departement Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia.
- Muhamad Hairul Azli b. Mohamad. 2010. “Syair Laksana Kita: Satu Analisis Naskhah” Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia
- Mujarabat*. t.th. Terj. Haji Abdul Rahman Haji Abdul Aziz. t.tp.: t. pt.
- Radjiman. 2000. *Konsep Petangan Jawa*. Surakara: Yayasan Pustaka Cakra.
- Ringkasan Hadis Shahih Al-Bukhari*. 2002. Jakarta : Pustaka Amani
- Siti Naemah Jamburi. 2009. Dukun dan urut. Temubual, 15 Januari.